

29/08/1998

Masa untuk menyingsing lengan bangun negara

KITA menyambut hari ulang tahun kemerdekaan kita yang ke-41 pada 31 Ogos ini dalam keadaan negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi yang seumpamanya belum pernah melanda kita pada masa lalu. Malah seluruh rantau ini tidak terkecuali melainkan bersama-sama kita mengalami kemelut ekonomi yang teruk. Tanda-tanda menunjukkan bahawa krisis kewangan dan ekonomi yang tenat mengancam akan menular ke seluruh dunia. Tetapi seperti yang berulang kali ditunjuk oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak awal lagi krisis ini meletus, selama perniagaan mata wang tidak dikawal maka selama itulah penyangak seperti George Soros dapat berleluasa meraih kekayaan atas keruntuhan ekonomi dunia mengakibatkan kemelaratan dan kemiskinan ratusan juta manusia.

Perayaan ulang tahun kemerdekaan kita kali ini wajar sekali disambut dengan kesedaran bahawa krisis ekonomi sekarang pada hakikatnya berupa sebesar-besar ujian kepada daya ketahanan kita untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan kita. Dr Mahathir telah mengingatkan rakyat bahawa di sebalik manipulasi penyangak asing ke atas nilai mata wang negara kita ialah agenda jangka panjang dari kuasa-kuasa besar untuk menegakkan kembali kekuasaan politik dan ekonomi mereka ke atas negara ini. Dr Mahathir menyifatkan fenomena ini sebagai kolonialisme dalam bentuk baru. Kita perlu mengerti dan memahami watak baru kolonialisme ini kerana tanpa pengertian itu, kita tidak mungkin mengumpulkan kekuatan lahir dan batin untuk menghadapinya dan mengatasinya kelak.

Ancaman itu tidak sekadar menjejaskan nasib golongan korporat atau pemegang saham ataupun kontraktor kecil kita, sebaliknya ia mengancam kewibawaan dan harga diri kita sebagai suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Kerana itu amat penting sekali kita menghadapi dan menangani kemelut ekonomi ini sebagai satu barisan yang utuh dan mantap. Inilah ketika dan saatnya kita perlu menggembleng segenap tenaga kita tanpa mengira perbezaan fahaman dan kelompok di bawah satu kepemimpinan negara yang kuat, menghindarkan konflik dan persengketaan sesama kita agar berdasarkan keutuhan perpaduan antara kerajaan dan rakyat kita dapat bersama-sama mengharungi saat-saat amat genting sekarang dan pada masa hadapan.

Selama 41 tahun negara dan bangsa kita telah membina negara hingga kita mencapai kemajuan luar biasa yang kemudiannya hampir musnah. Kini kita terpaksa menyingsing lengan kita semula untuk membangun kembali negara dan bangsa. Hanya kita sendiri yang bisa membina negara kita kepada keadaannya yang sedia kala. Krisis ekonomi sejak tahun lalu menunjukkan betapa bantuan daripada agensi seperti IMF tidak dapat diharapkan untuk memulihkan ekonomi negara yang tersungkur akibat krisis yang melanda mereka. Contohnya Indonesia.

Menurut satu laporan, jumlah rakyat Indonesia yang kini hidup miskin dan melarat telah meningkat sebanyak 60 juta sejak dua tahun lalu. Adalah ditaksir bahawa 79.4 juta rakyat Indonesia kini hidup di bawah paras kemiskinan dan angka ini boleh meningkat kepada 95.8 juta pada akhir tahun ini. Nilai mata wang rupiah telah jatuh daripada 2,450 dibandingkan seringggit wang Amerika setahun lalu kepada 15,000 juta rupiah pada masa ini.

Indonesia tidak saja dilanda kegawatan ekonomi yang amat teruk tetapi juga kegawatan politik. Sebaliknya kita bernasib lebih baik kerana dapat bertahan hingga hari ini dengan keadaan politik negara tetap stabil. Di

sinilah letaknya kekuatan kita iaitu kestabilan politik, perpaduan dan keyakinan rakyat bahawa krisis ini akan dapat diatasi lambat laun tanpa meminta bantuan daripada IMF melainkan berlandaskan usaha kita sendiri. Perjuangan memulihkan ekonomi negara tidak syak sukar dan penuh cabaran tetapi pemulihan itu tidak semestinya mustahil. Pada hari berbahagia ini, kita wajar memperbaharui tekad membulatkan setiap tenaga ke arah matlamat itu.

Dalam pada itu, kita harus menyedari bahawa banyak rintangan yang perlu dilampai oleh kita dalam usaha memulihkan ekonomi kita. Pihak-pihak tertentu di luar negara menggunakan pelbagai cara untuk mengkhianati usaha kita dan angkara mereka sudah pasti di pertingkat pada masa hadapan.

Kita harus waspada bahawa di kalangan kita pula tidak timbul gejala yang secara langsung atau tidak langsung menjadi boneka golongan asing yang cuba mengelirukan dan meracuni fikiran kita terhadap kepemimpinan negara dan dasar-dasar yang dirumuskan untuk menangani kegawatan ekonomi kita. Kita bersyukur bahawa sekalipun dilanda krisis ekonomi, kita masih dapat melaksanakan program yang direncanakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat kita yang tercicir walaupun secara sederhana dan berjimat cermat.

Hingga bila keadaan ini akan berterusan? Suara Dr Mahathir menuntut supaya diadakan kawalan terhadap spekulator mata wang untuk menjamin angkara mereka tidak menjahanamkan negara-negara membangun masih ditolak oleh kuasa besar. Spekulator pasaran saham dan pedagang mata wang masih dibiarkan melakukan angkara mereka dan masih bermaharajela membuat onar. Tindakan mereka dipertahankan atas alasan kononnya kerajaan tidak harus mengganggu pasaran bebas atau market forces. Bagaimanakah gerangannya negara yang kini dilanda kegawatan ekonomi akibat angkara spekulator mempunyai harapan untuk pulih?

(END)